

**GARIS PANDUAN
PERMOHONAN INSENTIF SENI – KEWANGAN BAGI TAHUN 2022
JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA**

1. Insentif Seni - Kewangan

- 1.1 Bantuan kewangan berupa modal permulaan untuk menampung sebahagian kos program/ aktiviti seni dan budaya.
- 1.2 **Maksimum** pemberian bantuan adalah sebanyak **RM15,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Belas Ribu Sahaja)**
- 1.3 Berikut adalah skop program / aktiviti seni budaya yang akan dipertimbangkan untuk bantuan:
 - 1.3.1 Pembangunan Kandungan;
 - 1.3.2 Pembangunan Kapasiti dan Sidang Keilmuan;
 - 1.3.3 Penyelidikan dan Pembangunan Seni Budaya;
 - 1.3.4 Pembangunan Modal Insan Seni;
 - 1.3.5 Program Jangkauan Seni Budaya; dan
 - 1.3.6 Program Penyemarakakan Seni Budaya.
- 1.4 Keutamaan pertimbangan adalah bagi program/ aktiviti seni budaya yang berasaskan atau mengangkat seni, budaya dan warisan Malaysia.
- 1.5 Permohonan ini dibuka tiga (3) kali setahun dan Mesyuarat Jawatankuasa Insentif Seni-Kewangan (JIS-K) JKKN akan diadakan tiga (3) kali setahun bagi menilai dan mempertimbangkan permohonan.

2. Syarat - Syarat Kelayakan Permohonan

- 2.1 **NGO seni budaya mesti berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS)** mengikut Akta Pendaftaran Pertubuhan 1966;

- 2.2 Universiti Awam yang permohonannya hendaklah melalui Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM);
- 2.3 Yayasan berkaitan seni budaya yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang bukan bersifat keuntungan **boleh dipertimbangkan** permohonannya dengan menyertakan dokumen tambahan. (Dokumen yang menyatakan Yayasan tersebut bukan bersifat keuntungan)
- 2.4 Semua pemohon wajib mendaftar sebagai NGO seni budaya JKKN di dalam laman sesawang JKKN di bawah Perkhidmatan – BBK Seni Budaya – Borang Permohonan (<http://www.jkkn.gov.my/ms/bbk-seni-budaya>).
- 2.5 **Status pemohon masih AKTIF** ketika tarikh permohonan dan program.
- 2.6 Pertimbangan hanya kepada program yang dilaksanakan antara Mac 2022 sehingga 31 Oktober 2022 sahaja.
- 2.7 Program dan aktiviti hendaklah mempunyai **impak kepada pengembangan seni budaya di Malaysia**.
- 2.8 Pemohon hanya boleh mengemukakan **satu (1) permohonan program / aktiviti dalam tahun semasa sahaja**. Sekiranya permohonan pertama ditolak atau tidak berjaya, NGO boleh membuat permohonan baharu.
- 2.9 Pemohon mesti mengisi **Borang Permohonan Insentif Seni – Kewangan [BORANG IS-KEW 1/2022 LAMPIRAN 1(B)]** dengan lengkap berserta ulasan seperti berikut;
- 2.9.1 NGO / Yayasan seni budaya – ulasan oleh Pengarah JKKN Negeri;
- 2.9.2 Universiti Awam di bawah MAKUM – ulasan oleh Pengerusi MAKUM
- 2.10 Borang yang lengkap diisi mesti disertakan dengan dokumen seperti berikut:
- 2.10.1 Salinan Sijil Pendaftaran Atau Sijil Perakuan Pendaftaran ROS
- 2.10.2 Kertas Kerja Program atau Aktiviti hendaklah merangkumi perkara-perkara berikut:
- i. Tujuan dan Pengisian program;
 - ii. Tarikh, masa dan tempat;
 - iii. Kaedah Pelaksanaan;
 - iv. Cadangan atur cara/jadual;
 - v. Senarai cadangan nama tetamu kehormat, artis, kumpulan, tokoh, penceramah yang terlibat;
 - vi. Sasaran jumlah peserta dan khalayak;

- vii. Perincian perbelanjaan;
- viii. Impak kepada masyarakat dan negara; dan
- ix. Mempunyai perancangan dan keberhasilan (outcome) program dan aktiviti bagi tempoh satu (1) hingga tiga (3) tahun.

2.10.3 Profil Pemohon

- i. Visi, misi dan tujuan penubuhan;
- ii. Jumlah ahli yang berdaftar sama ada aktif atau tidak aktif; dan
- iii. Senarai program terdahulu dan pengalaman/pencapaian.

2.10.4 Salinan Penyata Kewangan Persatuan bagi Tahun 2021;

2.10.5 Salinan Penyata Akaun Bank Persatuan (tiga bulan terkini).

- 2.11 Permohonan **tidak boleh lewat daripada 60 hari** dari tarikh pelaksanaan program ATAU mesyuarat JIS-K ATAU tarikh tutup penghantaran permohonan. Bagi program dan aktiviti bersifat antarabangsa yang dilaksanakan dalam Malaysia adalah **tidak lewat daripada 90 hari** dari tarikh pelaksanaan program ATAU mesyuarat JIS-K ATAU tarikh tutup penghantaran permohonan. Permohonan yang diterima selepas dari tarikh tutup **tidak akan dipertimbangkan**.
- 2.12 Program yang akan dilaksanakan selepas 31 Oktober 2022 tidak akan dipertimbangkan.
- 2.13 Pemohon yang telah menerima bantuan kewangan daripada MOTAC atau mana-mana agensi di bawah MOTAC bagi program yang sama **TIDAK LAYAK** dipertimbangkan.
- 2.14 Pemohon yang pernah menerima bantuan JKKM/ MOTAC/ agensi MOTAC tetapi tidak menghantar laporan aktiviti dan kewangan atau tidak melaksanakan program **TIDAK LAYAK** dipertimbangkan dan akan disenarai hitamkan bagi tempoh 3 tahun.

3. Tarikh Buka, Tarikh Tutup Permohonan dan Keputusan Permohonan

BIL	SESI	TARIKH BUKA PERMOHONAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	KEPUTUSAN PERMOHONAN
1.	Pertama	9 Februari 2022 (Rabu)	25 Februari 2022 (Jumaat)	Minggu kedua April
2.	Kedua	9 Mei 2022 (Isnin)	27 Mei 2022 (Jumaat)	Minggu pertama Julai

3.	Ketiga	1 Ogos 2022 (Isnin)	19 Ogos 2022 (Jumaat)	Minggu pertama Oktober
-----------	--------	------------------------	--------------------------	---------------------------

Nota:

- * Jadual mesyuarat adalah tertakluk kepada keadaan semasa. Sebarang perubahan tarikh akan dimaklumkan di laman sesawang dan media sosial JKKN.
- * Penyaluran Insentif Kewangan ke akaun pemohon dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja selepas keputusan mesyuarat JIS-K diluluskan oleh Pegawai Pengawal MOTAC atau selepas Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani oleh pemohon dan diterima oleh urus setia.

4. Cara Memohon:

- 4.1 Pemohon boleh mendapatkan borang di pejabat JKKN negeri atau dimuat turun daripada laman rasmi JKKN www.jkkn.gov.my.
- 4.2 Permohonan MESTI dihantar ke pejabat JKKN negeri bagi mendapatkan ulasan Pengarah JKKN negeri. Permohonan yang tidak lengkap dan tidak mendapatkan ulasan Pengarah JKKN Negeri tidak akan dipertimbangkan.
- 4.3 Pihak JKKN akan menghubungi pemohon melalui surat atau e-mel bagi memaklumkan keputusan permohonan sekurang-kurangnya dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Insentif Seni – Kewangan diluluskan oleh Pegawai Pengawal MOTAC.
- 4.4 Bagi maklumat lanjut, pemohon boleh menghubungi pegawai berikut:
 - i. En. Mohd. Zuhairi bin Ibrahim – 03-26148200 samb. 8233/
zuhairi@jkkn.gov.my;
 - ii. En. Ahmad Zaimy bin Mohd Yusoff - 03-265148200 samb. 8293/
zaimy@jkkn.gov.my;
 - iii. Talian umum Urus Setia Insentif Seni JKKN – 03-26148200 samb. 8264 / psnb@jkkn.gov.my;
 - iv. Pegawai penyelaras di JKKN negeri seluruh Malaysia. (Sila rujuk nombor telefon JKKN negeri di bawah)

BIL	JKKN NEGERI	NAMA PEGAWAI	EMEL	NO TELEFON
1	Perlis	Encik Hisham bin Mat Husien Puan Siti Rohayu binti Muhamad	hisyam@jkkn.gov.my rohayu@jkkn.gov.my	04-979 3604

**GARIS PANDUAN INSENTIF SENI – KEWANGAN
TAHUN 2022 (01)**

2	Kedah	Puan Fariza Binti Ahmad Encik Abdul Majid bin Sulaiman	fariza@jkkn.gov.my majid@jkkn.gov.my	04-733 8128
3	Pulau Pinang	Puan Zawiah binti Mohamad Encik Jaafar bin Rani	zawiah@jkkn.gov.my jaafar@jkkn.gov.my	04-281 7781
4	Perak	Encik Mohd Fairuz bin Selamat Puan Zaiton binti Zakaria	fairuzselamat@jkkn.gov.my zaiton@jkkn.gov.my	05-241 7017
5	Selangor	Puan Noor Atiqah binti Zulkepli Encik Hasmadi bin Hassan	atiqah@jkkn.gov.my hasmadi@jkkn.gov.my	03-5510 2839
6	WPKL	Encik Shahrizal bin Abdan Encik Jumali bin Azudin	shahrizal@jkkn.gov.my jumali@jkkn.gov.my	03-2070 4064
7	Negeri Sembilan	Encik Suhaimi bin Abdul Rahim Puan Zanariah binti Abu Bakar	suhaimirahim@jkkn.gov.my zanariah@jkkn.gov.my	06-763 4417
8	Melaka	Puan Fiza Farika binti Mohd Yasin Puan Noraini binti Harun	fiza@jkkn.gov.my noraini@jkkn.gov.my	06-233 1784
9	Johor	En. Azizol bin Ahmad En Yusof bin Ali	azizol@jkkn.gov.my yusof@jkkn.gov.my	07-223 9413
10	Pahang	Puan Norsyahrul Syafsaidatina binti Ismail Puan Nurmizanun binti Saari	syafsaidatina@jkkn.gov.my nurmizanun@jkkn.gov.my	09-517 9466
11	Terengganu	Encik Zahari bin Mat Encik Azaha bin Othman	zahari@jkkn.gov.my azaha@jkkn.gov.my	09-617 8832
12	Kelantan	Puan Norzila binti Mamat Ghani Puan Rahayu Normani binti Ismail	norzila@jkkn.gov.my rahayu@jkkn.gov.my	09-741 7004

13	Sarawak	Puan Milyana binti Arshad Encik Fairuz anak Louis	milyana@jkkn.gov.my fairuz@jkkn.gov.my	082-244 394
14	Sabah	Mohd Jumran bin Tambong Encik Mohamed Irwansyah bin Surya	jumran@jkkn.gov.my irwansyah@jkkn.gov.my	088-242 052

5. Prosedur Penyaluran Insentif – Kewangan

- 5.1 Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon melalui surat dan panggilan telefon.
 - 5.2 Bagi pemohon yang diluluskan permohonan, WAJIB mengisi Surat Setuju Terima (SST) dan dikembalikan semula ke urus setia dalam tempoh tujuh (7) hari bagi membolehkan proses penyaluran kewangan ke akaun pemohon dilakukan.
 - 5.3 Jumlah penyaluran kewangan bagi permohonan yang diluluskan akan dilakukan sebanyak **dua (2)** kali iaitu sebelum program dilaksanakan dengan jumlah **penyaluran pertama adalah antara 70%-90%** daripada jumlah diluluskan dan selepas laporan pelaksanaan program dan laporan kewangan yang lengkap dihantar ke urus setia dengan **penyaluran kedua adalah antara 30%-10%** daripada baki kelulusan.
 - 5.4 Penyaluran pembayaran kepada pemohon adalah melalui kaedah pindahan dana elektronik (*electronic fund transfer*) - EFT
6. Pertanyaan secara bertulis juga boleh dihantar ke alamat berikut;

Urus Setia Jawatankuasa Insentif Seni

Bahagian Pengukuhan Seni dan Budaya (PS&B)
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)
Aras 30, Menara TH Perdana
Lot 1001, Jalan Sultan Ismail
50250 KUALA LUMPUR
Tel: 03 2614 8200 samb. 8233/8293
No.Faks: 03 2697 1066
E-mel: psnb@jkkn.gov.my

TAMAT